

**Kerajaan Jalankan Kajian Sistem Pendidikan Tinggi - Muhyiddin
Bernama
Oct 27, 2014**

KOTA SEMARAHAN, 27 Okt (Bernama) -- Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan untuk mengubah sistem pengajian tinggi negara daripada yang berteraskan input kepada berteraskan hasil, kata Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Beliau berkata kajian itu antara lain menilai modal insan yang dapat dilahirkan oleh sistem pendidikan tinggi negara selain meninjau sama ada sistem sedia ada terlalu terpusat atau perlu diubah kepada sistem autonomi.

Memandangkan kebanyakan institusi pengajian tinggi (IPT) kini bergantung sepenuhnya kepada kerajaan, beliau berkata kajian itu kelak dapat membantu membina keupayaan IPT menjana pendapatan sendiri.

"Secara ringkasnya, menerusi rancangan ini, kita akan lihat universiti berada dalam kedudukan yang lebih mampan," kata beliau dalam sesi soal jawab bersama warga Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) di kampus Unimas di sini, pada Ahad.

Sambil berkata perkara itu akan dikemukakan kepada jemaah menteri tidak lama lagi, Muhyiddin yang juga Menteri Pendidikan berharap kajian itu dapat membawa hala tuju dan masa depan institusi pengajian tinggi awam dan swasta menjadi lebih maju lagi.

Timbalan Perdana Menteri berkata kajian itu, yang dijalankan Kementerian Pendidikan, dilaksanakan berdasar pelan strategik pembangunan pendidikan tinggi dan dijangka siap hujung tahun ini atau awal tahun depan.

Beliau turut ditanya mengenai pelbagai isu lain termasuk Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP), harga rumah, ujian Malaysian University English Test (MUET) dan gaji pensyarah.

Semasa menjawab mengenai gaji pensyarah, Muhyiddin berkata perkara itu perlu mengambil kira pandangan Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan serta kemampuan kerajaan.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1079972>